

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI  
BIN AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelaraskan hal ehwal pentadbiran Islam di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri berhubung perubahan norma baharu akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa memastikan penyelarasan hal ehwal pentadbiran Islam di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri seluruh Malaysia dilaksanakan dengan berkesan.
2. Dalam menghadapi pandemik COVID-19 serta perubahan norma baharu, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) seluruh Malaysia yang dianggotai oleh Mufti-mufti seluruh Malaysia dan ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja telah dilaksanakan sebanyak lapan (8) kali.
3. Muzakarah ini telah membincangkan isu-isu nasional COVID-19 mengenai hukum-hakam dan Garis-garis Panduan yang berkaitan dengan mengambil kira arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) selain mendapat nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui lapan (8) Mesyuarat Khas Muzakarah berkenaan, sebanyak empat belas (14) Panduan Hukum, dan tujuh (7) Garis Panduan telah diputuskan manakala dua (2) *Standard Operating Procedure* (SOP) seperti yang diumumkan oleh MKN telah berjaya dibangunkan.
4. Hasil resolusi Muzakarah yang telah disepakati bersama tersebut telah dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri bagi tujuan pelaksanaan mengikut kesesuaian di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.